SURAT BERITA
Jilid: 06/2021

جانڠ CANANG

JUN 2021

PETIKAN TITAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sempena
Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa
Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 2021

29 Syawal 1442 / 10 Jun 2021

Bertempat
Dewan Plenary,
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas

"Ada banyak cara untuk meraih keberkatan Al-Qur'an itu, diantaranya dengan membaca, menghafaz dan memahami isi kandungannya. Demikian juga keberkatan boleh diraih dengan membaca Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an bagi tujuan berlindung dan berubat daripada pelbagai penyakit dan musibah, sebagaimana petunjuk Al-Qur'an sendiri dalam Surah Al-Isra' ayat 82, tafsirnya:

"Dan Kami turunkan dari Al-Qur'an itu ayat-ayat yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman."

Kita di Brunei sedang mematuhi dan mengikut petunjuk ini untuk mengelak atau menolak wabak koronavirus. Kita telah memakainya bersama-sama SOP biasa sebagai "perisai bersepadu", dan alhamdulillah, kesan daripada perisai bersepadu ini, Brunei Darussalam telah dilihat sedang dibentengi oleh keberkatan yang menakjubkan yang menjadikannya terselamat daripada serangan wabak.

Ini adalah situasi luar biasa, dimana kita jangan menganggapnya sebagai ringan sahaja.

Beta secara peribadi, amatlah meyakini perkara ini, bahawa apa jua jenis virus yang membentuk wabak, tidak akan mampu untuk melangkahi ayat-ayat suci Al-Qur'an.

Oleh itu makanya, kita orang Islam janganlah berenggang dari Al-Qur'an, dalam makna, jangan lari dari membacanya.

Cahaya Al-Qur'an bukan seperti cahaya lampu atau pelita, tetapi cahaya Al-Qur'an mampu untuk menerangi hati sanubari dan menerangi kehidupan, bahkan menerangi alam kubur menurut ugama."

Sumbangan BND67,250 buat Tabung Kemanusiaan Palestin
dari
Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM)

01 Jun 2021

Pejabat Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Rabu, 02 Jun 2021- Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui peruntukan JAPEM kepada dua buah keluarga yang menjadi mangsa musibah kebakaran rumah yang berlaku pada 26 Mei lalu di Daerah Brunei dan Muara. Majlis berlangsung di Pejabat Menteri, Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bengkel Menulis dan Melukis Cerita Bergambar

Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei

1 Jun 2021

Sejarah mempunyai peranan yang sangat penting kepada warganegara untuk merangka dan melaksanakan wawasan bagi memajukan negara dan memupuk semangat patriotisme.

Pengetahuan mengenai sejarah perlu dimiliki oleh semua lapisan masyarakat untuk menanamkan kefahaman dan penghayatan bagi mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa.

Bengkel selama empat hari ini disertai oleh seramai 47 orang peserta dan dibimbing oleh 2 orang fasilitator dalam bidang penulisan dan pelukisan.

Menerusi bengkel ini, para peserta akan diberikan bimbingan dan kemahiran untuk menggunakan teknologi terkini bagi menghasilkan cerita-cerita sejarah negara dengan lebih kreatif, inovatif, menarik, berkualiti dan malar segar.

Dengan terhasilnya cerita-cerita sejarah sebegini, adalah diharapkan ia menepati cita rasa generasi muda masa kini untuk lebih peka dan prihatin kepada sejarah Negara.

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah merasmikan Bengkel Menulis dan Melukis Cerita Bergambar Sejarah Brunei.

BERAKAS, Khamis, 3 Jun 2021-Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), meneruskan lagi Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-X (ICON-IMAD X) dengan sesi Forum Khas bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Forum Khas yang membawakan tema **'Melestari Islam di Alam Melayu dalam Era Kontemporari : Isu Perlindungan Kanak-Kanak'** menampilkan tiga panel jemputan bagi sama-sama membincangkan mengenai isu perlindungan kanak-kanak.

Penolong Pengarah Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak dalam ulasannya telah mengupas mengenai isu kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam (NBD) seperti penderaan, pengabaian dan sebagainya.

Sementara itu, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Dayang Nurul Nazurah binti Jaya mengongsikan Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak yang lebih dikenali sebagai NFCP.

Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad pula mengongsikan kajiannya mengenai 'Legal and Policy Frameworks For Childs Rights Protection In Brunei Darussalam'. Projek penyelidikan ini masih berjalan dan beliau mengongsikan beberapa dapatan antaranya mencadangkan pihak yang relevan untuk mengemas kini perundangan berkaitan kanak-kanak yang mempunyai kelainan upaya dan menjelaskan dengan terperinci beberapa definisi seperti sumbang mahram dan definisi kanak-kanak itu sendiri.

Forum Khas di dalam ICON-IMAD X ini merupakan antara pengisian yang diadakan dalam Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) 2021 yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bagi sepanjang bulan Jun ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Jun 2021 – Liga futsal, yang kembali buat pertama kali sejak 2017, menyaksikan 17 pasukan bertanding merebut gelaran juara.

Perlawanan pembukaan antara Qahar FT dan Shah United memberi peluang kepada kedua-dua pasukan untuk memperoleh kemenangan pertama dalam Kumpulan 'A'. Perlawanan tersebut berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Perlawanan seterusnya menyaksikan naib juara 2017 Arbisyam FC menentang PES dalam Kumpulan 'B' di Dewan Serbaguna, Bolkiah Garrison, malam esok.

Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan pembukaan perlawanan Liga Futsal Brunei 2021.

BELAIT, Ahad, 6 Jun 2021– Persatuan Belia Daerah Belait (PEMBELA) mengadakan Majlis Afrah Aidil-fitri (MAAF) bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri di samping menggalakkan belia menyokong dan memberi balik kepada masyarakat yang memerlukan.
Majlis berlangsung di Dewan Pusat Belia, Daerah Belait.

Tema majlis itu memfokuskan terhadap Afrah yang diterjemahkan kepada kegembiraan dan acara itu bertujuan untuk berkongsi kegembiraan belia dengan masyarakat yang memerlukan di daerah ini.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyampaian sumbangan berupa keperluan asas kepada 33 orang penerima bagi pihak persatuan manakala itu, isteri beliau menyampaikan peket hijau hasil kutipan daripada penderma dan ahli-ahli persatuan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada 33 orang penerima bagi pihak persatuan manakala itu, isteri beliau menyampaikan peket hijau hasil kutipan daripada penderma dan ahli-ahli persatuan.

Tetamu kehormat dan jemputan serta para penerima sumbangan menikmati pelbagai hidangan yang disajikan sambil beramah mesra sesama mereka dan persembahan oleh ahli-ahli persatuan.

TEMBURONG, Isnin, 7 Jun 2021 - Seramai 50 atlet dari Sekolah Sukan Brunei Shotokan Karate Association (BSKA) dan Skim Jabatan Belia dan Sukan (JBS) menyertai Kejohanan BSKA Ke-2 yang dianjurkan dengan kerjasama Sekolah Sukan dan disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) serta diluluskan oleh Brunei Karatedo Federation (BRUKAF) dan dibantu oleh Progresif Sdn. Bhd., Ceramic Pro dan FSCreate sebagai penaja kejohanan tersebut.

Kejohanan BSKA Ke-2 tersebut diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Bato Apoi, Temburong.

Matlamat kejohanan tersebut adalah untuk memberikan peluang khususnya kepada atlet Sekolah Sukan dan BSKA untuk menimba lebih banyak ilmu serta pengalaman dan 'Local Tryout' sebagai persiapan mereka untuk kejohanan-kejohanan tempatan dan antarabangsa di masa akan datang.

Foto: Brunei Shotokan {Brunei Shotokan Karate Association)

Kunjungan Perpisahan Duta Besar Istimewa dan Mutlak
Republik Korea Ke Negara Brunei Darussalam,
Puan Yang Terutama Yoon Hyun Bong

08 Jun 2021

Bilik Kunjungan,, Tingkat 8
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

MANGSA KEBAKARAN TERIMA BANTUAN KEWANGAN

09 Jun 2021
Tingkat 8, Pejabat Menteri
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Kerajaan kepada mangsa bencana kebakaran yang berlaku di Jalan Batu Marang, Kampung Sungai Buloh, Mentiri, Daerah Brunei dan Muara pada 3 Jun 2021.

Majlis Perasmian Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah (MUAFIQ) 2021

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Jun 2021- Dalam mencalak generasi hadapan, pendidikan kekeluargaan perlu mendominasi pembentukan sahsiah anak-anak yang akan menentukan kekukuhan serta keharmonian sesebuah bangsa dan masyarakat.
Antara peranan utama institusi keluarga ialah melahirkan generasi yang berdisiplin, bertanggungjawab dan dapat mendepani serta mengatasi pelbagai isu sosial masa kini.

Menyentuh mengenai mu'tamar,ia diadakan bagi memperkasa pendidikan kekeluargaan dan mengenal pasti isu-isu serta cabaran dalam kehidupan berkeluarga.
Melalui mu'tamar, diharapkan dapat mencapai penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang kepada masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dewasa ini ke arah kehidupan berkeluarga yang penuh harmoni sebagaimana konsep keluarga yang disebut di dalam Al-Quran iaitu keluarga Sakinah, Mawaddah dan Rahmah.

MUAFIQ 2021 dianjurkan oleh KUPU SB selama sehari bersempena Hari Keluarga Kebangsaan 2021.

GADONG, Khamis, 10 Jun 2021 - Majlis Penandatanganan Kontrak Kelab Bola Sepak DPMM (DPMM FC) bersama dengan pemain-pemain dan penaja-penaja bagi Kejohanan Bola Sepak Liga Super Brunei (BSL) 2021 diadakan di The Centrepoint, Gadong.

Penaja-penaja terdiri dari Brunei Shell Marketing Co. Sdn. Bhd., Mitsubishi Corporation, Baiduri Bank, Datastream Digital Sdn. Bhd., Hui Huang Enterprise, Borneo Genomics Innovation Sdn. Bhd., Begawan Athlete Enterprise, Pitch Company, dan Waznah Enterprise Sdn. Bhd

Pengurus Am Kelab DPMM FC dan Pengurus Pemasaran DPMM FC, Haji Awang Momin bin Haji Md. Ja'afar menandatangani kontrak penaja mewakili kelab bola sepak tersebut.

Kejohanan Bola Sepak BSL 2021 ini dijadualkan akan bermula pada 20 Jun, yang akan menyaksikan persaingan antara kelab-kelab bola sepak tempatan.



Sabtu, 12 Jun 2021- Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengendalikan Klinik e-Census bagi Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tujuan klinik diadakan ialah untuk membantu warga kerja Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatana di bawahnya khususnya Ketua Keluarga yang telah memilih kadeah e-Census dalam pendaftaran e-Census dan seterusnya melengkapkan maklumat masing-masing sebelum tempoh berakhir nanti.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 13 Jun 2021-
Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan (MTQBK) adalah salah satu projek tahunan anjuran KKBS dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS) sejak tahun 1980-an dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber serta seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Melalui projek ini dihasrat dapat melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam (NBD) ke peringkat yang lebih tinggi. Ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau 'tarannum'.

Seramai 10 peserta terdiri dari 5 qari dan 5 qariah akan bertanding di Peringkat Akhir MTQBK 1442 Hijrah / 2021 Masihi iaitu pada Khamis, 14 Zulkaedah 1442 bersamaan 24 Jun 2021 bertempat di Dewan Digadong, Bangunan KKBS. Pada peringkat akhir nanti, Johan Menunggu Qari dan Qariah MTQBK Tahun 2020 juga akan turut bertanding.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta musabaqah peringkat saringan dan peringkat separuh akhir yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud selaku tetamu kehormat majlis.

Laksamana College of Business (LCB) Charity Golf Tournament 2021

RBA Golf Club, Berakas

13 June 2021

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan hadiah kepada pemenang, Yang Mulia Awang Zul Hilmi bin Haji Rosli.

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 JUN – Persatuan Bolasepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) melakar sejarah hari ini dengan berlangsungnya majlis peletakan batu asas bagi pembinaan pusat teknikal dan mini grandstand baharunya yang akan dijangka siap pada hujung tahun ini.

Pusat teknikal yang baharu akan mengandungi gimnasium mini, pusat perubatan, bilik penyelidikan, bilik persidangan dan auditorium.

Pembinaan dua projek itu adalah di bawah *FIFA Forward* 1.0 dan 2.0 yang merupakan inisiatif yang dibuat oleh badan pengelola bola sepak dunia yang bertujuan untuk mempertingkatkan perkembangan dan penambahbaikan bola sepak di seluruh negara anggota-nya di seluruh dunia.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 JUN 2021 – Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan melancarakan Kafe BJAK SMARTER Brunei yang istimewanya dikendalikan oleh golongan dewasa yang menghidap autism, di Kolam Renang Anggerek Desa, Berakas. BJAK bukan hanya bermaksud pintar tapi BJAK mewujudkan apa yang diharapkan di kafe itu iaitu *Bringing, Joy, Aspirations* dan *Kindness.*

Cawangan baharu ini adalah kafe autisme yang pertama dan 100 peratus dikendalikan oleh golongan autisme yang akan melakukan kerja pengambilan pesanan, penyediaan, melayan pelanggan dan juga kerja mengemas dan membersihkan.

Yang Berhormat Dato dalam ucapannya antara lain mengongsikan mengenai kesedaran autisme yang ditekankan oleh Allahyarham Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman iaitu bekas presiden SMARTER tentang '3A' – *Awareness, Acceptance, Action.*

Awareness ataupun kesedaran mengenai autisme adalah perkara yang penting, apa yang lebih utama, kita juga perlu berusaha ke arah *Acceptance* ataupun penerimaan dan *Action* iaitu mengambil langkah untuk memperkasa warga SMARTER, di samping golongan orang kelainan upaya (OKU) yang lain agar mereka tidak terasa tersisih ataupun ketinggalan dalam usaha pembangunan Negara.

JERAYAWARA 'ISLAMIC FINANCIAL PLANNING 101: MANAGING YOUR FINANCE WITH ISLAMIC PRACTICES'

Bandar Seri Begawan, Rabu, 16 Jun 2021 – Para pegawai dan kakitangan kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya menghadiri jerayawara yang bertajuk *'Islamic Financial Planning 101: Managing Your Finance with Islamic Practices'* yang disampaikan oleh *Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF)* yang mana dikelolakan oleh Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Jerayawara tersebut disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Shamsul bin Haji Muhammad, Pengurus Am, Insurans Islam TAIB Family Takaful Sendirian Berhad. Jerayawara ini antaralainnya bertujuan untuk memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang mereka tawarkan dan peranan BILIF dalam mengembangkan pembangunan kapasiti sumber manusia dalam bidang perancangan kewangan menurut kepimpinan Islam.

Penyerahan Derma Tabung Kemanusiaan Palestin daripada Kedutaan Republik Islam Iran di Brunei Darussalam

17 Jun 2021
Bilik Kunjungan,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Perasmian Bengkel Asas Bahasa Isyarat (Fasa Ke-2)
15 Jun 2021
Bilik VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merasmikan Majlis Bengkel Asas Bahasa Isyarat (Fase Ke-2)

Bengkel ini akan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya menggunakan Bahasa Isyarat ke arah mencapai masyarakat yang bermaklumat.

Kaedah penggunaan Bahasa Isyarat hendaklah diperkenalkan seawal mungkin kepada golongan kanak-kanak OKU Pendengaran sebagai bahasa pengantara yang digunakan dalam pembelajaran dan kehidupan seharian.

Majlis Penutup Bengkel Asas Bahasa Isyarat (Fasa Ke-2)

17 Jun 2021

Bilik VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah

Kepada para ibu bapa, penjaga, guru-guru, para majikan dan orang awam, mempelajari Bahasa Isyarat untuk berinteraksi dengan golongan OKU adalah satu kebolehan yang unik dalam sama-sama memeduli keperluan masyarakat 'kitani' agar tidak ada yang berasa tersisih.

MAJLIS MEMBACA YAASIN DAN TAHLIL SEMPENA SAMBUTAN JUBLI PERAK PUSAT PEMBANGUNAN BELIA

Kubah Makam Diraja

18 Jun 2021

PIALA 'YOU C-1000 BASKETBALL CUP'

Gelanggang Persatuan Bola Keranjang, Batu Bersurat, Gadong

18 Jun 2021

Majlis Konvokesyen Cosmopolitan College of Commerce & Technology (CCCT) Ke-14

Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei

19 Jun 2021

Seramai 416 graduan Cosmopolitan College of Commerce and Technology (CCCT) diraikan pada Majlis Konvokesyen CCCT Ke-14.

CCCT telah melengkapkan para pelajar dengan pelbagai kemahiran pekerjaan yang kompetensi, dan dibekalkan pengetahuan dalam bidang bisnes, teknologi maklumat, digital media, 'creative' media dan 'computing' yang amat relevan untuk dimanfaatkan sepenuhnya dalam mengharungi realiti yang mengetengahkan teknologi terkini.

Para graduan perlu ingat, mencapai kejayaan adalah satu cabaran tetapi mengekalkan kejayaan merupakan satu cabaran yang lebih besar.

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 JUN 2021– *Drama Puisi Lumut Lunting: Cerita Rakyat Budaya Legenda Negara Brunei Darussalam,* dipengerusikan bersama oleh Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Negara Brunei Darussalam dan Persatuan Membaca dan Literasi Brunei (ReLA) dengan kerjasama KKBS. Drama tersebut dipentaskan di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kisah legenda Lumut Lunting dikaitkan dengan cerita rakyat lama Brunei bertarikh 500 tahun lalu yang didokumentasikan dalam Syair Awang Semaun yang berkisar pada zaman awal sultan Brunei, Awang Alak Betatar, sultan pertama sekitar abad ke-14, ketika Negara Brunei Darussalam masih merupakan sebuah negara bawah jajahan Empayar Majapahit.

Drama menggambarkan kekuatan dan ketangkasan orang-orang Brunei dan bagaimana mereka membebaskan diri daripada cengkaman Kerajaan Majapahit pada masa lalu.

RETREAT MESYUARAT PENGURUSAN EKSEKUTIF

STATUS PERLAKSANAAN PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN 2020-2024

Bilik VIP,
Tingkat 1,
Stadium Negara
Hassanal
Bolkiah

21 Jun 2021

Retreat ini adalah *stocktake exercise* yang julung kali diadakan dan adalah salah satu usaha dalam meningkatkan lagi efisiensi pemantauan dan perlaksanaan strategi dan inisiatif Pelan Strategik.

Fokus utama *retreat* ini adalah untuk memantau perkembangan pencapaian perlaksanaan inisiatif bagi memastikan ianya adalah dalam landasan yang betul dan mencapai sukat-sukat serta impak yang dihasratkan berdasarkan garis masa yang ditetapkan.

Di samping itu, retreat ini juga diharapkan akan dapat memperkukuhkan lagi peranan Pengurusan Eksekutif sebagai Peneraju dalam melaksanakan pencapaian sasaran dan rancangan penambahbaikan bagi merealisasikan pencapaian visi Pelan Strategik Kementerian dan memantapkan lagi proses *stocktake exercise* agar lebih sistematik, efektif, efisien dan tepat pada masa dengan penggunaan Pelan Tindakan yang selars dan bertepatan.

Dalam masa yang sama, meningkatkan lagi kepemilikan *(ownership)* dan akauntabiliti setiap Peneraju dan Ketua Bahagian/ Jabatan bagi sama-sama menjayakan Pelan Strategik Kementerian.

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan
Peringkat Separuh Akhir 1442H/2021M

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Jun 2021—MTQBK merupakan program anjuran KKBS yang mula dilaksanakan sejak dari tahun 1980-an dan berjaya melahirkan ramai qari dan qariah belia berkaliber dan berpotensi tinggi, seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, musabaqah berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing, khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau 'tarannum'.

Musabaqah pada tahun ini menyaksikan seramai 97 peserta, iaitu 60 qari dan 37 qariah bertanding di peringkat saringan, pada 31 Mac 3 April 2021, manakala seramai 29 peserta, iaitu 15 qari dan 14 qariah bertanding di peringkat separuh akhir, pada 13 Jun lalu.

Selain untuk menyediakan wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam, ia juga untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran dalam kalangan belia juga memupuk dan menyemai rasa persahabatan dalam kalangan peserta belia melalui program keagamaan juga sebagai persediaan pemilihan wakil negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.

Qari

Johan - Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud
Naib Johan - Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri
Ketiga - Awang Abdul Haziq Syarafuddin bin Abdul Habib

Qariah

Johan - Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri
Naib Johan – Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd. Rajid
Ketiga - Dayangku Alma Hazirah binti Pengiran Haji Jofri

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Karnival Pusat Pembangunan Belia
25-27 Jun 2021

Pusat Pembangunan Belia mengadakan Karnival PPB selama 3 hari (25-27 Jun 2021) untuk memberi pendedahan dan peluang kepada pelatih-pelatih PPB mempelajari bidang perniagaan terutama dalam aspek perancangan perniagaan, pengurusan kewangan dan penyelenggaraan.

Karnival ini juga berfungsi untuk memperkuat dan memeriahkan projek keusahawanan tahunan dan meningkatkan semangat pelatih dalam memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya.

Karnival ini juga bertujuan untuk memupuk kerjasama, tanggungjawab, disiplin dan kejujuran dalam menjalankan sebarang aktiviti perniagaan, selain memperkenalkan kepada masyarakat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelatih PPB.

Karnival ini berkaedah *'For the Youth, By the Youth'* dengan memberi peluang kepada pelatih untuk lebih proaktif dalam pengurusan dan penganjuran acara termasuk karnival dengan menjadi penganjur acara.

Karvnival ini merangkumi aktiviti termasuk penjualan produk dan perkhidmatan dari pelatih PPB, Terdapat juga 'Pondok Tradisi' untuk demo membuat layang-layang dan membuat alat permainan tradisional, temuduga terbuka dari syarikat-syarikat tempatan dan sesi mic terbuka dalam bentuk Musyarikah.

Dewan Bankuet, Bangunan Majlis Mesyuarat Negara - 26 Jun 2021

"Belia Yang Berdaya Tahan, Bangsa Yang Berdaya Tahan"

Sesi Pertama membincangkan mengenai dengan isu kesihatan mental yang paling diabaikan secara global dan telah berlaku sebelum COVID -19, tetapi pandemik ini semakin memburukkan status kesihatan mental.

Pengerusi

Pengasas Bersama Young Professionals Network (YPN) Brunei - Dayang Aspadiyah binti Mohd. Sah.

Para ahli panel terdiri daripada:

- Ahli Psikologi (Kementerian Kesihatan) - Dayang Fauziyyah Hanani binti Haji Abdul Manap;
- Kaunselor, Pelatih Kesihatan Mental & Ketagihan (Clarity) - Dayang Hajah Norajleen Uminatul Hafizan binti Haji Alimas;
- Ahli Psikologi Pendidikan (Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan) - Pengiran Salimatul Sa'ada binti Pengiran Mohd. Saleh; dan
- Penolong Kaunselor (Jabatan Penjara) - Awang Fariszal bin Ali.

Sesi kedua forum berkenaan antara lain membincangkan tentang kepentingan bagi membantu para belia untuk lebih daya tahan dalam menghadapi cabaran dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang dibawa oleh pandemik.

Pengerusi

Pengasas Bersama YPN Brunei - Dayang Nurliyanal Fatin binti Arifin.

Para ahli panel terdiri daripada:

- Head of Judge Advocate General's (JAG) Office, Commander Royal Brunei Armed Forces Secretariat Office (Kementerian Pertahanan) - Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini;
- Pegawai Tentera Laut Diraja Brunei—Qurratu'aini Qayyimah Dr. Al-Haj Zelzy;
- Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan (KKBS) - Dr. Nur Iskandar bin Hasnan; dan
- Rakan Pengasas dan Pengurus Bersama SeaX dan Pengarah Eksekutif Siam Rajathanee Group, Thailand - Nattaphol Vimolchalao.

Forum Belia Brunei merupakan sebahagian daripada acara Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2021 yang dianjurkan bersama KKBS dan YPN Brunei dengan sokongan Majlis Belia Brunei dan Projek Assalamualaikum.

Forum dihadiri oleh kira-kira 500 peserta secara fizikal dan maya daripada keempat-empat daerah yang mempunyai pelbagai latar belakang, termasuk sektor awam dan swasta, NGOs serta institusi-institusi pendidikan.

GADONG, Sabtu, 26 Jun 2021 – Pertandingan Kecergasan HU Advertising bersempena Ekspo Kesihatan, Kecergasan dan Keselamatan (Health, Fitness & Safety – HFS) 2021 diadakan buat julung kalinya. Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran bagi kepentingan kesihatan fizikal dan juga mental.

Kesihatan mempunyai nilai yang tinggi dan kita hendaklah sentiasa menjaga kesihatan tubuh badan yang boleh dicapai dengan mengamalkan cara hidup yang baik dan sihat. Dalam agama Islam, ia adalah salah satu tanggungjawab kita sebagai seorang umat Islam. Bukan sahaja ia mendatangkan manfaat kepada diri kita sendiri, malah juga untuk keluarga kita.

Salah satu aktiviti yang boleh dimasukkan dalam cara hidup adalah dengan melakukan aktiviti riadah, seperti bersukan dan bersenam pada masa lapang kerana ia boleh mendatangkan manfaat lain yang cukup baik untuk diri, keluarga dan masyarakat secara amnya, selain menguatkan fizikal dan mental agar badan kita akan 'immune' daripada serangan penyakit.

Taklimat Perancangan Kewangan dari Standard Chartered Bank

Bandar Seri Begawan, Isnin, 28 Jun 2021 – Para pegawai dan kakitangan kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya menghadiri taklimat kewangan yang disampaikan oleh pihak *Standard Chartered Bank* Brunei.

Taklimat perancangan kewangan ini bertujuan untuk membantu para pekerja memahami kepentingan kewangan dan pengurusan pendapatan serta menyediakan kaedah penyelesaian kepada pelbagai masalah kewangan yang mungkin dihadapi oleh pemegang akaun.

KAKITANGAN KKBS YANG BERSARA

Nama	Jawatan Lama	Tarikh Mula Bertugas	Tarikh Bersara
Dayang Tuminom binti Timbang	Pranidaya (Pengerak Seni Budaya)	20 Julai 1987	20 September 2021

Sumber Berita:

Pelita Brunei dan Media Permata

Tim Penerbitan :

Unit Perhubungan Awam, KKBS

Perwajahan dan Aturgambar:

Unit Perhubungan Awam, KKBS

Jurufoto:

Hajah Ajijah binti Haji Ali (KKBS),
Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman (KKBS),
Hj Norfaizal bin Hj Mat Salleh (KKBS),
Sufyan Aiman bin Sufri (JAPEM),
Mohd Nazib bin Hj Jumat (DBP),
Abdul Aziz bin Hj Abd Hamid (PPB),
Ehzha Ahwaz Safaraz bin Hj Jeffridin (PS),
Penerangan (infofoto)
Media Permata